

TERMA & SYARAT UNTUK SEMUA JENIS TUNTUTAN HADIAH SIJIL SIMPANAN PREMIUM BANK SIMPANAN NASIONAL

- 1) Bank akan memberikan butir-butir pemenang kepada pembekal yang dilantik oleh Bank untuk menguruskan penghantaran/penyerahan hadiah setelah menerima dokumen yang lengkap daripada pemenang.
- 2) Semua hadiah yang dimenangi mestilah dituntut oleh pemenang sendiri mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 3) Pembekal yang dilantik oleh Bank akan menghubungi pemenang untuk urusan penghantaran hadiah.
- 4) Semua hadiah yang dimenangi mestilah didaftarkan di atas nama pemenang.
- 5) Hadiah yang dimenangi tidak boleh ditukar kepada wang tunai, saiz, model yang berlainan dan sebagainya dan keputusan Bank dalam hal ini adalah muktamad.
- 6) Semua hadiah mesti dituntut oleh pemenang dalam masa 1 tahun dari tarikh cabutan SSP. Bank tidak akan melayan sebarang tuntutan selepas tempoh tersebut.
- 7) Bank berhak menggunakan gambar dan butir-butir pemenang bagi tujuan publisiti.
- 8) Bank berhak secara mutlak untuk mengubah, meminda, mengeneipkan atau menambah mana-mana terma dan syarat di atas dari masa ke semasa tanpa sebarang notis.

TERMA & SYARAT TAMBAHAN BAGI PEMENANG HADIAH KENDERAAN (KERETA ATAU MOTORSIKAL)

- 9) Bagi hadiah kenderaan seperti kereta dan motosikal, kos pendaftaran, insuran, cukai jalan serta kos pengangkutan (jika ada) ditanggung sepenuhnya oleh pemenang. Bank hanya membayar harga kenderaan sahaja.
- 10) Hadiah kenderaan yang dimenangi boleh dijual kepada pembekal atau pihak ketiga tanpa melibatkan Bank dalam apa-apa keadaan sekalipun, selepas kenderaan tersebut didaftarkan di atas nama pemenang.
- 11) Pihak bank tidak akan bertanggungjawab dalam apa-apa keadaan sekalipun di atas sebarang perjanjian di antara pemenang, pembekal atau pihak ketiga.
- 12) Bagi pemenang di bawah umur 18 tahun, pendaftaran kenderaan mestilah dibuat di atas nama penjaga.